

Maathir dititnah kanwin lagi

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Maathir Mohamad hari ini memberitahu pemberita tentang khabar-khabar angin yang menyatakan beliau telah berkahwin seorang lagi dan mempunyai seorang anak.

Sambil ketawa, Perdana Menteri menafikan dakwaan itu sebagai tidak benar "Kerana kanu semua tahu hidup saya hanya pergi ke pejabat dan pulang ke rumah sahaja. Kalau saya pergi ke mana-mana pun tentu ditemani oleh isteri saya."

"Bukan Menteri-Menteri Kabinet sahaja yang mendapat surat-surat layang, saya juga tidak terlepas dari dakwaan kononnya saya telah berkahwin seorang lagi, dan mempunyai seorang anak dari perkahwinan itu", katanya ketika diminta mengulas kenyataannya tentang fitnah memfitnah dalam ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung Umno ke 34, di sini.

"Saya ni macam belangkas... pergi ke sana sini dengan isteri saya. Kalau saya pergi ke luar negeri, isteri saya ikut sama dan kalau saya dijemput orang pun, saya membawa isteri saya.

Bisikan

"Jadi takkanlah saya kahwin lagi," katanya disambut dengan gelak ketawa para pemberita.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, fitnah-memfitnah adalah satu sifat yang keji di kalangan masyarakat manusia.

Beliau berkata, bermacam-macam cerita dibisik-bisikkan tanpa menghiraukan sama ada cerita itu benar atau tidak.

"Dari satu mulut ke satu mulut, cerita-cerita itu bukan sahaja disebarkan, tetapi ditokok-rambah. Kalau sudah berkahwin, kononnya telah kahwin satu atau dua lagi, diikuti dengan cerita yang cukup detail".

Dewan perhimpunan bergegar dengan gelak ketawa perwakilan dan pemerhati apabila beliau menceritakan tentang seorang Menteri yang amat kurus berunding jawatan.

"Maka mendengar cerita bahawa Menteri ini telah berkahwin seorang lagi. Hari ini Menteri itu telah bersara dan tidak ada cerita lagi. Bahkan kita tahu cerita itu tidak benar," ujar dia.

Datuk Seri Dr Maathir berkata, banyak lagi contoh yang boleh beliau sebutkan dan para hadirin akan ketawa.